

01/03/2000

NITC beri tumpuan isu K-ekonomi

Hizral Tazzif Hisham

MESYUARAT kali kesembilan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membincangkan isu dan cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) untuk membolehkan ia membantu negara mencapai Wawasan 2020.

NITC dalam kenyataannya berkata, anggota majlis membincangkan isu berkenaan bagi mengupas bagaimana menjadikan K-ekonomi sebagai alat untuk mempertingkatkan nilai tambah produk dan perkhidmatan serta membantu negara mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Malaysia mengenal pasti rangka kerja dalam ekonomi baru yang mana ilmu pengetahuan diiktiraf sebagai sumber penting pertumbuhan ekonomi, penentu kekayaan dan asas kepada daya saing negara," katanya di Putrajaya, minggu lalu. Antara yang hadir dalam mesyuarat berkenaan, termasuk 21 anggota majlis NITC dan beberapa pakar industri teknologi maklumat (IT). NITC juga mengumumkan pelantikan dua ahli baru, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan Naib Presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, Datuk Paul Low.

NITC berkata, Mesyuarat itu menyifatkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda IT Kebangsaan (Nita) sebagai permulaan bagi mendorong dan membangunkan rangka kerja bermutu dalam membantu peralihan Malaysia ke arah K-ekonomi.

"Malaysia mempunyai peluang luas memperkukuhkan kedudukannya dalam pasaran global kerana K-ekonomi adalah perkara baru dan proses peralihannya mungkin tidak berjalan dengan lancar," katanya.

Menurutnya, perbincangan turut menumpukan usaha ke arah merangka strategi baru dalam pelaksanaan Nita, kesan K-ekonomi terhadap ekonomi Malaysia dan membangunkan kemampuan negara untuk menghadapinya serta corak K-ekonomi yang mana maklumat dan pengetahuan adalah asas terhadap keteguhan negara.

"NITC menubuhkan kumpulan kerja untuk mengenal pasti dan membangunkan K-ekonomi serta kaedah pengukuran bagi memastikan Malaysia melalui arah tuju yang betul," katanya.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan diberi tugas bagi merangka Strategi K-ekonomi negara sebagai persiapan negara menerokai peluang yang ada dalam ekonomi baru ini.

Katanya, selaras Wawasan 2020, Garis Panduan Pelan Perspektif 3 (OPP3) 2001 hingga 2010 yang sedang disiapkan kerajaan turut mengambil kira proses pertukaran ekonomi negara kepada K-ekonomi.

Tujuannya, untuk membolehkan K-ekonomi diserapkan ke dalam semua aktiviti ekonomi bagi mempertingkatkan daya saing negara dan perkhidmatan tambah nilai dalam era maklumat.

Mesyuarat NITC yang ke-10 akan diadakan pada Jun ini di Kuching, Sarawak serentak dengan persidangan dan pameran Infosoc 2000.

(END)